

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2022 akan dikeluarkan pada **8 Jun 2023 (Khamis)**. Seramai **403,637** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2022 di **3,355** buah pusat peperiksaan di seluruh negara dan seramai **131,318** petugas peperiksaan telah dilantik bagi keseluruhan peperiksaan ini.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 daripada sekolah masing-masing mulai pukul **10.00 pagi** pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultspm.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 mulai pukul 10.00 pagi pada 8 Jun 2023 sehingga pukul 6.00 petang pada 14 Jun 2023; dan/atau

- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10.00 pagi pada 8 Jun 2023 sehingga pukul 6.00 petang pada 14 Jun 2023.

KPM mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua calon SPM Tahun 2022.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**29 MEI 2023**